

11 JUN 1998

KHALIL-SIMEN

PAHANG CEMENT AKAN EKSPORT KELUARANNYA KE INDOCHINA

KUANTAN, 11 Jun (Bernama) -- Pahang Cement Sdn Bhd yang mempunyai keupayaan mengeluarkan 1.2 juta tonne simen setahun, akan mengeksport keluarannya ke negara-negara Indochina selain dari untuk kegunaan tempatan, kata Menteri Besar Tan Sri Khalil Yaakob hari ini.

Negara-negara Indochina seperti Vietnam, Laos dan Kemboja merupakan pasaran terbaik untuk mengeksport simen keluaran syarikat itu memandangkan kedudukan Pelabuhan Kuantan yang berdekatan dengan negara-negara itu, katanya kepada pemberita selepas meninjau persiapan majlis perasmian kilang syarikat tersebut di sini.

Upacara perasmian kilang tersebut akan disempurnakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Sabtu ini, sempena lawatan beliau ke Pahang yang bermula esok.

Lawatan Perdana Menteri akan dimulakan dengan menutup Kejohanan Badminton Piala Perdana 1998 di Stadium Tertutup SUKPA, Bandar Indera Mahkota di sini. Pada sebelah malamnya, beliau akan menghadiri majlis makan malam "Lambaian Teratai" yang diadakan sempena kejohanan itu.

Esoknya, selepas majlis perasmian kilang simen Pahang Cement, Dr Mahathir dijangka akan melawat Rancangan Felda Bukit Sagu 2 yang berhampiran dalam satu majlis perjumpaan bersama rakyat.

Kilang berharga RM700 juta itu yang terletak dalam kawasan seluas 80.92 hektar, adalah usahasama di antara Kerajaan Negeri Pahang dan YTL Corporation Berhad yang masing-masing memegang ekuiti sebanyak 50 peratus.

Kilang yang telah memulakan pengeluarannya November tahun lepas, telah mengeluarkan simen sebanyak 220,000 tonne untuk pasaran Pantai Timur Semanjung, Johor dan Kuala Lumpur.

"Pasaran untuk simen sememangnya ada, lebih-lebih lagi setelah keadaan ekonomi pulih seperti sediakala," kata Khalil.

Bekalan bahan mentah untuk kilang berteknologi tinggi itu diperolehi daripada sebuah bukit kapur yang terletak berhampiran dengan kilang tersebut dan dijangkakan boleh membekalkan bahan mentah sehingga 70 tahun.

Projek kilang itu pertama kalinya disarankan dalam awal tahun 1970an oleh Perdana Menteri pada masa itu, Allahyarham Tun Abdul Razak, atas kesedaran pentingnya sebuah kilang simen bersepadu didirikan di koridor pembangunan Pantai Timur.

Pahang Cement Sdn Bhd diperbadankan pada 5 Ogos 1971 oleh kerajaan Pahang untuk mengendalikan projek ini dan perjanjian usahasama antara kerajaan negeri dan YTL Cement Bhd dibuat pada tahun 1993. -- BERNAMA

ROS JR MA